



## LAPORAN TAHUNAN *ANNUAL REPORT*

# 2013

**SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN  
KEHAKIMAN  
DAN PERUNDANGAN**

*JUDICIAL AND LEGAL SERVICE  
COMMISSION*

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**  
Aras 10, Blok C7, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Wilayah Persekutuan Putrajaya

*JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION*  
Level 10, Block C7, Complex C  
Federal Government Administrative Centre  
Wilayah Persekutuan Putrajaya

## KANDUNGAN CONTENTS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Penubuhan <i>Establishment</i>	1
2	Bidang Kuasa Dan Fungsi <i>Jurisdiction And Functions</i>	1
3	Keanggotaan Suruhanjaya <i>Membership Of The Commission</i>	2-3
4	Undang-Undang Dan Peraturan <i>Laws And Regulations</i>	4
5	Aktiviti Dan Urusan Yang Dilaksanakan Oleh Suruhanjaya <i>Activities And Business Undertaken By The Commission</i>	4-5
6	Mesyuarat Suruhanjaya <i>Meetings Of The Commission</i>	6
7	Jemaah Pegawai <i>Board Of Officers</i>	7
8	Kertas Untuk Pertimbangan Suruhanjaya <i>Papers For The Commission's Consideration</i>	7-9
9	Pengambilan Dan Pelantikan Ke Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan <i>Recruitment And Appointment To The Judicial And Legal Service</i>	10
10	Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Penetapan Gaji Permulaan <i>Confirmation Of Service, Conferment Of Pensionable Status and Determination of Initial Salary</i>	10-12
11	Kenaikan Pangkat <i>Promotion</i>	13
12	Pemangkuan Jawatan <i>Acting Of Posts</i>	14
13	Pertukaran Sementara Dan Pinjaman <i>Temporary Transfers And Secondment</i>	15
14	Tindakan Tatatertib <i>Disciplinary Action</i>	16

**PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**

***CHAIRMAN OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION***



Yang Berbahagia Tan Sri Mahmood bin Adam

**PENGERUSI**

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**

**AHLI-AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**

***MEMBERS OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION***



Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Gani Patail

**PEGUAM NEGARA**



Yang Amat Arif Tan Sri Md. Raus bin Sharif

**PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN**



Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Zulkefli  
Bin Ahmad Makinudin

**HAKIM BESAR MALAYA**



Yang Amat Arif  
Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum

**HAKIM BESAR SABAH DAN SARAWAK**



Yang Arif Dato' Azahar bin Mohamed  
HAKIM MAHKAMAH RAYUAN



Yang Arif Dato' Zaleha binti Yusof  
HAKIM MAHKAMAH TINGGI



Yang Arif Dato Rhodzariah binti Bujang  
HAKIM MAHKAMAH TINGGI

**SETIAUSAHA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**

**SECRETARY TO THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION**



Yang Berbahagia Datuk Ramli bin Juhari  
SETIAUSAHA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

**JEMAAH PEGAWAI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**

**BOARD OF OFFICERS, JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION**



Yang Berbahagia Dato' Sri Idrus bin Harun  
PEGUAM CARA NEGARA



Puan Azimah binti Omar  
KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN

## **Penubuhan**

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah ditubuhkan mengikut Perkara 138(1) Perlembagaan Persekutuan.

## **Bidang Kuasa Dan Fungsi**

Mengikut Perkara 138(1) Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan meliputi semua anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Perkara 144(1) memperuntukkan bahawa fungsi Suruhanjaya adalah untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

## **Establishment**

*The Judicial and Legal Service Commission is established in accordance with Article 138(1) of the Federal Constitution.*

## **Jurisdiction And Functions**

*In accordance with Article 138(1) of the Federal Constitution, the jurisdiction of the Judicial and Legal Service Commission covers all members of the judicial and legal service. Article 144(1) provides that the function of the Commission is to appoint, confirm, emplace on the permanent or pensionable establishment, promote, transfer and exercise disciplinary control over members of the service under its jurisdiction.*

## Keanggotaan Suruhanjaya

Perkara 138(2) menetapkan bahawa keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi (yang juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam), Peguam Negara atau, jika Peguam Negara ialah seorang ahli Parlimen atau dilantik tidak daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Peguam Cara Negara dan seorang anggota lain atau lebih yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, daripada kalangan orang yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia. Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah juga menjadi Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

## Membership of the Commission

*Article 138(2) determines that the membership of the Judicial and Legal Service Commission shall consist of a Chairman (who is also the Chairman of the Public Services Commission), the Attorney General or, if the Attorney General is a member of Parliament or is appointed otherwise than from among members of the Judicial and Legal Service, the Solicitor General and one or several other members appointed by the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Chief Justice, from among persons who are or have been, or are qualified to be, a judge of the Federal Court, Court of Appeal or a High Court or shall before Malaysia Day have been a judge of the Supreme Court. The Secretary to the Public Services Commission shall also be the Secretary to the Judicial and Legal Service Commission.*

## Anggota-Anggota Suruhanjaya

Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia bagi tahun 2013 sebagaimana peruntukan mengikut Perkara 138(2) dan 142(3A) Perlembagaan Persekutuan adalah seperti yang berikut:

### Pengerusi

YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam

### Anggota-Anggota

- YBhg. Tan Sri Abdul Gani Patail
- YAA Tan Sri Md. Raus bin Sharif
- YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin
- YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum
- YA Dato' Azahar bin Mohamed
- YA Dato' Zaleha binti Yusof
- YA Dato Rhodzariah binti Bujang

### Setiausaha

YBhg. Datuk Ramli bin Juhari

## Members of the Commission

*The membership of the Judicial and Legal Service Commission Malaysia for the year 2013 as provided in Article 138(2) and 142(3A) Federal Constitution is as follows:*

### Chairman

*The Hon. Tan Sri Mahmood bin Adam*

### Members

- *The Hon. Tan Sri Abdul Gani Patail*
- *The Rt. Hon. Tan Sri Md. Raus bin Sharif.*
- *The Rt. Hon. Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin*
- *The Rt. Hon. Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum*
- *The Hon. Dato' Azahar bin Mohamed*
- *The Hon. Dato' Zaleha binti Yusof*
- *The Hon. Dato Rhodzariah binti Bujang*

### Secretary

*The Hon. Datuk Ramli bin Juhari*

## Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan

Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut, antara lain, termasuk :-

- (i) Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957(Akta 393);
- (iii) Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan 1963;
- (iv) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
- (v) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan
- (vi) Pekeliling-pekelling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa.

## Aktiviti Dan Urusan Yang Dilaksanakan Oleh Suruhanjaya

Maklumat keseluruhan mengenai aktiviti dan urusan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2013 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

## Laws and Regulations

*The functions of the Judicial and Legal Service Commission are subject to the relevant laws and regulations. The said laws and regulations, among others, include:-*

- (i) The Federal Constitution;*
- (ii) Service Commissions Act 1957 (Act 393);*
- (iii) Judicial and Legal Service Commission Rules 1963;*
- (iv) Public Officers (Appointment, Promotion and Termination of Service) Regulations 2012;*
- (v) Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993; and*
- (vi) the enforced Service Circulars/Service Circular Letters.*

## Activities and Business Undertaken By the Commission

*Overall information on the activities and business undertaken by the Commission in 2013 is in **Table 1**.*

**Jadual 1**  
**Table 1**

**KEDUDUKAN AKTIVITI YANG  
DILAKSANAKAN OLEH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2013**

**STATUS OF ACTIVITIES UNDERTAKEN BY THE  
JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION IN 2013**

<b>BIL NO</b>	<b>AKTIVITI /URUSAN YANG DILAKSANAKAN ACTIVITIES AND BUSINESS UNDERTAKEN</b>	<b>BILANGAN PEGAWAI NUMBER OF OFFICERS</b>
(i)	Pelantikan Pegawai Undang-Undang Gred L41 (Bilangan Pegawai) <i>Appointment of Grade L41 Legal Officers (No. of Officers)</i>	114
(ii)	Pengesahan Dalam Perkhidmatan/Pemberian Taraf Berpencen/Opsyen KWSP/ Penetapan Gaji Permulaan (Bilangan Pegawai) <i>Confirmation of Service/ Conferment of Pensionable Status/EPF Option/Determination of Initial Salary (No. of Officers)</i>	525
(iii)	Kenaikan Pangkat Ke Pelbagai Gred Dan Jawatan (Bilangan Pegawai) <i>Promotion to Various Grades and Posts (No. of Officers)</i>	223
(iv)	Pemangkuan Ke Pelbagai Gred Dan Jawatan (Bilangan Pegawai) <i>Acting on Various Grades and Posts (No. of Officers)</i>	506
(v)	Pertukaran Sementara/ Pinjaman ke Pelbagai Jawatan (Bilangan Pegawai) <i>Temporary Transfer/ Secondment to Various Posts (No. of Officers)</i>	8
(vi)	Kawalan Tatatertib (Bilangan Kertas Pertimbangan) <i>Disciplinary Control (No. of Consideration Papers)</i>	4

## Mesyuarat Suruhanjaya

Suruhanjaya telah mengadakan sebanyak tiga (3) mesyuarat pada tahun 2013 iaitu di Putrajaya, Kota Kinabalu dan Kuching.

Selain mesyuarat, kertas mengenai perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan segera telah dikemukakan kepada anggota Suruhanjaya melalui kertas edaran secara elektronik. Prosedur ini dibenarkan di bawah Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan 1963. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 121 kertas edaran telah dipertimbangkan melalui Sistem e-Circulation SPKP melibatkan 16 kertas edaran oleh Suruhanjaya dan 105 kertas edaran oleh Jemaah Pegawai SPKP.

## Meetings of the Commission

*The Commission convened three (3) meetings in 2013 which were held in Putrajaya, Kota Kinabalu and Kuching.*

*Besides the meetings, papers regarding matters that require immediate decisions were submitted to members of the Commission through electronic circulation papers. This procedure is permitted under Rule 17, of the Judicial and Legal Service Commission Rules 1963. In 2013, a total of 121 circulation papers were decided by SPKP e-Circulation System in which 16 circulation papers were decided by the Commission and 105 circulation papers decided by Board of Officers.*

## Jemaah Pegawai

Di bawah Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah mewakili kuasanya kepada Jemaah Pegawai yang terdiri daripada Peguam Cara Negara, Jabatan Peguam Negara dan Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan untuk menimbang dan meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan penetapan gaji permulaan bagi pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

## Kertas Untuk Pertimbangan Suruhanjaya

Secara keseluruhannya, sejumlah 70 Kertas Pertimbangan telah diputuskan oleh Suruhanjaya. Kertas tersebut termasuk yang telah diputuskan secara edaran sebanyak 16 kertas. Sebanyak 105 kertas pula telah diputuskan oleh Jemaah Pegawai, yang merangkumi perkara mengenai pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan penetapan gaji permulaan. Semua kertas Jemaah Pegawai itu telah diratifikasikan oleh Suruhanjaya. Butiran lengkap mengenai kertas tersebut adalah seperti dalam **Jadual 2** manakala **Rajah 1** menunjukkan kedudukan kertas pertimbangan yang diputuskan oleh Suruhanjaya/Jemaah Pegawai dalam mesyuarat dan secara edaran.

## Board of Officers

*Under Article 144(6) of the Federal Constitution, the Judicial and Legal Service Commission has delegated its authority to the Board of Officers consisting of the Solicitor General of the Attorney General's Chambers and Chief Registrar of the Federal Court to consider and approve confirmation of service, conferment of pensionable status and determination of initial salary for officers in the Judicial and Legal Service.*

## Papers for the Commission's Consideration

*In total, the Commission decided 70 papers, including 16 papers which were decided through circulation. 105 papers were decided by the Board of Officers, covering matters on confirmation of service, conferment of pensionable status and determination of initial salary. All the papers decided by the Board of Officers have been ratified by the Commission. Details of the said papers are in **Table 2** while **Figure 1** shows the percentage of Commission/Board of Officers papers decided during meetings and through circulation.*

Jadual 2  
Table 2

**JUMLAH KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN  
PERUNDANGAN DAN JEMAAH PEGAWAI**

**NUMBER OF PAPERS FOR THE CONSIDERATION OF  
THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION  
AND BOARD OF OFFICERS**

<b>BIL NO</b>	<b>JENIS KERTAS TYPE OF PAPERS</b>	<b>JUMLAH KERTAS NO. OF PAPERS</b>
(i)	Urusan Pengambilan Pegawai Undang-Undang Gred L41 <i>Recruitment of Grade L41 Legal Officers</i>	4
(ii)	Kenaikan Pangkat (Pelbagai Gred dan Jawatan) <i>Promotions (Various Grades and Posts)</i>	22
(iii)	Pemangkuan Jawatan (Pelbagai Gred dan Jawatan) <i>Acting of Posts (Various Grades and Posts)</i>	28
(iv)	Pertukaran Sementara/ Peminjaman (Pelbagai Gred dan Jawatan) <i>Temporary Transfer / Secondment (Various Grades and Posts)</i>	8
(v)	Kawalan Tatatertib <i>Disciplinary Control</i>	4
(vi)	Kertas Pertimbangan (Pelbagai) <i>Consideration Papers (Various Matters)</i>	4
	<b>JUMLAH KECIL SUB-TOTAL</b>	<b>70</b>


**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN JEMAAH PEGAWAI  
PAPERS FOR THE CONSIDERATION OF THE BOARD OF OFFICERS**

(i)	Pengesahan Dalam Perkhidmatan/Pemberian Taraf Berpencen/Opsyen KWSP/ Penetapan Gaji Permulaan <i>Confirmation of Service/ Conferment of Pensionable Status/EPF Option/Determination of Initial salary</i>	105
	<b>JUMLAH KECIL SUB-TOTAL</b>	<b>105</b>
	<b>JUMLAH BESAR TOTAL</b>	<b>175</b>

Rajah 1  
Figure 1

**PERATUS KERTAS PERTIMBANGAN MELALUI MESYUARAT  
DAN SECARA EDARAN**

**PERCENTAGE OF PAPERS DECIDED DURING MEETINGS  
AND THROUGH CIRCULATION**



### **Pengambilan dan Pelantikan Pegawai Undang-Undang (Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan)**

Dalam tahun 2013, Suruhanjaya telah meluluskan pelantikan seramai 114 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41.

### **Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Penetapan Gaji Permulaan**

Sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan 87 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41. Daripada 87 orang pegawai yang disahkan dalam perkhidmatan, 73 orang pegawai (84%) telah memilih skim pencen manakala 14 orang pegawai (16%) telah memilih untuk mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Suruhanjaya juga telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 257 orang pegawai dan penetapan gaji permulaan kepada 181 orang pegawai. Jumlah urusan pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Rajah 2** manakala kedudukan pemilihan opsyen pencen/KWSP adalah seperti di **Rajah 3**.

### **Recruitment and Appointment of Legal Officers (Judicial and Legal Service)**

*In 2013, the Commission approved the appointments of 114 Grade L41 Legal Officers.*


### **Confirmation of Service, Conferment of Pensionable Status and Determination of Initial Salary**

*In 2013, the Commission approved the confirmation of service for 87 Grade L41 Legal Officers. From this total, 73 officers (84%) opted for the Pension Scheme, while 14 others (16%) opted to contribute to the Employees Provident Fund (EPF). The Commission also approved conferment of pensionable status to 257 officers and determination of initial salary to 181 officers. Total cases for confirmation of service, conferment of pensionable status and determination of initial salary are illustrated by **Figure 2** while the status of pension/EPF options is shown in **Figure 3**.*

Rajah 2  
Figure 2


**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN (PDP), PEMBERIAN TARAF BERPENCEN (PTB) DAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN (PGP)**  
**CONFIRMATION OF SERVICE, CONFERMENT OF PENSIONABLE STATUS AND DETERMINATION OF INITIAL SALARY**


*Jumlah Pegawai*



**Nota**

- PDP** Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- PTB** Pemberian Taraf Berpencen
- PGP** Penetapan Bagi Permulaan

Rajah 3  
Figure 3**KEDUDUKAN PEMILIHAN OPSYEN PENCEN/KWSP**  
**STATUS OF PENSION/EPF OPTIONS**

 Opsyen Pencen (*Pension Options*)

 Opsyen KWSP (*EPF Options*)

## Kenaikan Pangkat

Suruhanjaya telah meluluskan kenaikan pangkat 223 orang Pegawai Undang-Undang ke pelbagai gred/jawatan dalam tahun 2013. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

## Promotion

The Commission approved the promotion of 223 Legal Officers to various grades/posts in 2013. Detailed information is in **Table 3**.

**Jadual 3**  
**Table 3**

### KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2013

### PROMOTION OF OFFICERS IN THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE IN 2013

BIL NO	NAMA JAWATAN NAME OF POSTS	BILANGAN PEGAWAI NUMBER OF OFFICERS
(i)	Pegawai Undang-Undang Turus 'II' <i>Legal Officer Staff 'II'</i>	1
(ii)	Pegawai Undang-Undang Turus 'III' <i>Legal Officer Staff 'III'</i>	1
(iii)	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'A' <i>Legal Officer Premier Grade 'A'</i>	2
(iv)	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'B' <i>Legal Officer Premier Grade 'B'</i>	6
(v)	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'C' <i>Legal Officer Premier Grade 'C'</i>	9
(vi)	Pegawai Undang-Undang Gred Khas 'C' <i>Legal Officer Special Grade 'C'</i>	1
(vii)	Pegawai Undang-Undang Gred L54 <i>Legal Officer Grade L54</i>	20
(viii)	Pegawai Undang-Undang Gred L52 <i>Legal Officer Grade L52</i>	33
(ix)	Pegawai Undang-Undang Gred L48 <i>Legal Officer Grade L48</i>	69
(x)	Pegawai Undang-Undang Gred L44 <i>Legal Officer Grade L44</i>	81
<b>JUMLAH TOTAL</b>		<b>223</b>

## Pemangkuan Jawatan

Dalam tahun 2013, Suruhanjaya telah meluluskan pemangkuan seramai 506 Pegawai Undang-Undang ke atas pelbagai gred/jawatan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

## Acting of Posts

*In 2013, the Commission approved a total of 506 Legal Officers to act on various grades/posts. Further information is in **Table 4**.*

**Jadual 4**  
**Table 4**

### PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2013

#### ACTING OF OFFICERS IN THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE IN 2013

BIL NO	NAMA JAWATAN NAME OF POSTS	BILANGAN PEGAWAI NUMBER OF OFFICERS
(i)	Pegawai Undang-Undang Turus 'III' <i>Legal Officer Staff 'III'</i>	2
(ii)	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'A' <i>Legal Officer Premier Grade 'A'</i>	6
(iii)	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'B' <i>Legal Officer Premier Grade 'B'</i>	6
(iv)	Pegawai Undang-Undang Gred Khas 'B' <i>Legal Officer Special Grade 'B'</i>	1
(v)	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'C' <i>Legal Officer Premier Grade 'C'</i>	12
(vi)	Pegawai Undang-Undang Gred Khas 'C' <i>Legal Officer Special Grade 'C'</i>	10
(vii)	Pegawai Undang-Undang Gred L54 <i>Legal Officer Grade L54</i>	27
(viii)	Pegawai Undang-Undang Gred L52 <i>Legal Officer Grade L52</i>	68
(ix)	Pegawai Undang-Undang Gred L48 <i>Legal Officer Grade L48</i>	100
(x)	Pegawai Undang-Undang Gred L44 <i>Legal Officer Grade L44</i>	274
<b>JUMLAH TOTAL</b>		<b>506</b>

## Pertukaran Sementara Dan Pinjaman

Suruhanjaya telah meluluskan pelepasan seramai 8 orang Pegawai Undang-Undang dalam pelbagai gred untuk dilantik secara pertukaran sementara atau peminjaman bagi mengisi pelbagai jawatan di agensi seperti dalam **Jadual 5**.

## Temporary Transfers and Secondment

The Commission approved the release of 8 Legal Officers of various grades to be appointed on temporary transfer or secondment to fill various posts in agencies as shown in **Table 5**.

**Jadual 5**  
**Table 5**

**PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN  
YANG DILANTIK SECARA PINJAMAN/ PERTUKARAN SEMENTARA  
DALAM TAHUN 2013**

**OFFICERS OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE APPOINTED ON  
SECONDMENT/ TEMPORARY TRANSFER IN 2013**

BIL NO	NAMA JAWATAN NAME OF POSTS	BILANGAN PEGAWAI NUMBER OF OFFICERS
(i)	Pengerusi, Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Kementerian Kewangan <i>Chairman, Special Commissioner of Income Tax, Ministry of Finance</i>	1
(ii)	Pengarah, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia <i>Director, Certificate of Legal Practice Examination, Legal Profession Qualifying Board Malaysia</i>	1
(iii)	Pegawai Undang-Undang Khas Kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri <i>Special Legal Officer to Minister in Prime Minister's Department</i>	1
(iv)	Setiausaha, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) <i>Secretary, Enforcement Agency Integrity Commission</i>	1
(v)	Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perundangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia <i>Legal Service Division Director, Companies Commission of Malaysia</i>	1

BIL NO	NAMA JAWATAN NAME OF POSTS	BILANGAN PEGAWAI NUMBER OF OFFICERS
(vi)	Timbalan Pengarah, Bahagian Operasi Khas, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia <i>Deputy Director, Special Operation Division, Malaysian Anti-Corruption Commission</i>	1
(vii)	Pegawai Perdagangan Strategik, Sekretariat Perdagangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri <i>Strategic Trade Officer, Strategic Trade Secretariat, Ministry of International Trade and Industry</i>	1
(viii)	Setiausaha, Tribunal Rayuan Kastam <i>Secretary, Customs Appeal Tribunal</i>	1
<b>JUMLAH TOTAL</b>		<b>8</b>

### Tindakan Tatatertib

Suruhanjaya juga menjalankan fungsi Pihak Berkuasa Tatatertib bagi semua pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Dalam tahun 2013, Suruhanjaya telah menimbang 4 kertas mengenai kawalan tatatertib terhadap Pegawai Undang-Undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

### Disciplinary Action

*The Commission also carries out the function of a Disciplinary Authority for all officers in the Judicial and Legal Service in accordance with the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993. In 2013, the Commission decided on 4 papers on disciplinary control over Legal Officers in the Judicial and Legal Service.*

**AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**  
***THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION ACTIVITIES***



**Sesi taklimat kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan**



**Sesi taklimat kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan**

**AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**  
***THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION ACTIVITIES***



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke-120 di Putrajaya



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke-120 di Putrajaya

**AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**  
***THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION ACTIVITIES***



**Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke-121  
di Kota Kinabalu, Sabah**



**Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke-121  
di Kota Kinabalu, Sabah**

**AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**  
***THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION ACTIVITIES***



**Mesuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan  
ke-122 di Kuching, Sarawak**



**Mesuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan  
ke-122 di Kuching, Sarawak**